

'Satu kesalahan besar'

11/3/88

sembahkan memorandum

SEREMBAN, Khamis — Tindakan lima ketua adat Luak Sungai Ujong menyebarkan memorandum kepada Yang Dipertuan Besar selaku Pengerusi Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan semalam dianggap sebagai 'satu kesalahan besar' di segi aturan adat dan pesaka Luak itu.

Perbuatan seumpama itu juga boleh menjejaskan kedudukan mereka di segi adat dan ia sudah pasti akan dipertikaikan oleh anak-anak Waris yang mereka wakili, demikian menurut sumber tertinggi adat hari ini.

"Tindakan yang mereka ambil boleh dianggap sebagai satu bantahan kepada dewan yang sebelum ini telahpun memutuskan untuk menggilirkan pesaka Datuk Kelana Putra (Undang) ke-10 kepada Perut Ulu.

"Ini adalah kerana memorandum itu mengandungi nama seorang anak Waris di Darat daripada Perut Hilir, Raja Azmar Raja Amir yang dicalonkan oleh lima ketua adat berkenaan sebagai penyandang pesaka Undang.

"Dengan kata lain, tindakan yang mereka ambil menjejaskan usaha ke arah memecahkan kebuntuan berhubung urusan perantikan Datuk Kelana Putra ke-10 kerana dewan terpaksa menangguhkan perbincangan mengenai perkara itu dalam mesyuarat khasnya semalam," ujar sumber-sumber itu kepada Berita Harian di sini.

Difahamkan bahawa dewan terpaksa menangguhkan perbincangan mengenai perkara itu apabila memorandum berkenaan mendapat tentangan he-

bat daripada Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan selaku seorang ahli rasmi dewan.

Datuk Shahbandar Shahari dipercayai memaklumkan kepada ahli-ahli dewan bahawa memorandum itu disiapkan tanpa pengetahuannya serta sebilangan besar anak-anak Waris di Darat dan di Air.

Lima ketua adat yang terbabit ialah Tua Waris Perut Hilir, Datuk Maha-

rajalela Zamhari Haji Abdul Rahman, Datuk Muda Linggi Abu Zarim Haji Mulop, Datuk Menteri Sahal Rauf, Datuk Raja Dimuda Zainuddin Musa dan Datuk Maharaja Indera Abdul Ghafor Haji Tahir.

Tua Lembaga Waris di Darat, Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin juga dikatakan terbabit kerana beliau menandatangani memorandum itu.